

28 JUL 1999

Umno-Kelantan (Analisis Berita)

JANJI DR MAHATHIR KEPADA KELANTAN DAN RAKYATNYA

Oleh: Mohd Bakri Darus

KOTA BAHARU, 28 Julai (Bernama) -- Dalam kunjungan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Kelantan bagi menyaksikan sendiri suasana politik dan pembangunan di negeri itu, Perdana Menteri membuat dua janji iaitu untuk menawan Kelantan dan membangunkan rakyat negeri itu.

Kedua-dua janji yang saling berkait itu dibuat bagi memastikan Kelantan yang kini disifatkan antara negeri yang paling mundur di negara ini turut memasuki arus perdana pembangunan negara.

"Kita akan menawan Kelantan bagi memastikan rakyatnya yang telah lama menderita mendapat pembelaan yang sewajarnya," kata Dr Mahathir pada satu majlis semasa lawatan rasminya selama dua hari ke negeri itu minggu lepas.

Iltizam yang ditunjukkan Presiden Umno itu diakui sendiri oleh Tengku Razaleigh Hamzah yang dilantik Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan pada 20 Jun lepas.

"Dr Mahathir semasa melantik saya memberi jaminan bahawa kerajaan pusat akan memberi kerjasama sepenuhnya bagi memastikan Kelantan dan rakyatnya mendapat pembelaan...dan saya bersetuju memegang jawatan ini (Pengerusi Umno Kelantan) bagi memastikan ia berlaku," kata Tengku Razaleigh dalam hampir setiap pertemuannya dengan rakyat Kelantan.

Kesungguhan Dr Mahathir untuk mengubah kedudukan politik Kelantan terbukti apabila secara terbuka mengetepikan perasaan dan maruah politiknya untuk menerima semula Tengku Razaleigh, bekas musuh politik yang pernah menjadi faktor menyebabkan Umno hilang kekuatan di Kelantan dalam pilihan raya umum 1990 dan 1995.

Peristiwa Tengku Razaleigh dan beberapa bekas pemimpin Umno menubuhkan parti serpihan, Parti Melayu Semangat 46 (S46) selepas kumpulan itu tewas dalam pemilihan Umno 1987 serta kemudian bekerjasama dengan Pas melalui Angkatan Perpaduan Ummah, tercatat dalam sejarah sebagai detik duka Umno di bumi "Serambi Mekah".

Bagaimanapun, demi perjuangan bangsa, agama dan negara, Dr Mahathir memperlihatkan sikap yang berbeza apabila sanggup menerima kata-kata maaf Tengku Razaleigh dan seterusnya melantik bekas Menteri Kewangan itu sebagai penggantinya untuk menerajui kepimpinan Umno Kelantan.

Peristiwa maaf bermaafan secara terbuka antara Tengku Razaleigh dan Dr Mahathir di hadapan kira-kira 3,000 hadirin sewajarnya menjadi iktibar kepada anggota Umno mengenai ikhlasnya pemimpin berkenaan berjuang bagi memastikan pilihan raya umum akan datang menjadi detik baru kekuatan dan kewujudan Umno di Kelantan.

Perdana Menteri ketika menyentuh perkara ini berkata: "Pada masa ini tidak ada perbezaan antara anggota Umno dan bekas anggota S46 dalam usaha mencapai matlamat untuk menawan kembali Kelantan dan membantu rakyatnya."

Berdasarkan perkembangan terbaru yang berlaku di Kelantan, Dr Mahathir yakin Umno dapat menumpaskan Pas melalui susunan jentera parti yang lebih tersusun serta kerjasama erat antara anggota dan pemimpinnya.

Bagi mencapai matlamat itu beliau meletakkan azimat iaitu kekuatan dan perpaduan kental di kalangan anggota Umno serta semangat untuk menang sebagai senjata paling efektif bagi menumbangkan Pas.

Dr Mahathir berkata kerajaan pusat tidak sanggup melafazkan janji yang tidak dapat ditunaikannya, sebaliknya berazam membantu rakyat dengan cara memajukan setiap negeri di bawah kepimpinannya.

Katanya beliau tidak mahu mengikut cara pemimpin parti pembangkang terutama Pas yang berjanji apa sahaja seperti memberi elaun kepada suri

rumah sehingga boleh memudaratkan negara dan membebankan rakyat dalam tempoh jangka panjang.

Sebaliknya, Dr Mahathir berkata sekiranya kerajaan Barisan Nasional (BN) berjaya menubuhkan kerajaan negeri selepas pilihan raya akan datang maka pelbagai bentuk pembangunan membabitkan pelaburan beribu-ribu juta ringgit akan dilaksanakan.

"Oleh kerana itu, orang Kelantan mestilah menolong diri mereka sendiri dengan mengundi BN," katanya.

Antara projek besar yang mahu dilaksanakan oleh kerajaan pusat ialah memajukan industri minyak dan gas di perairan pantai Kelantan dan pembinaan lebuh raya Pesisiran Pantai Timur dari Karak (Pahang) merentasi Terengganu hingga ke Kelantan yang kosnya berharga RM4 bilion.

Tanpa berselindung Dr Mahathir berkata kerajaan hanya bersedia melaksanakan projek-projek itu dengan syarat BN memerintah Kelantan.

Ini kerana pengalaman lepas mendapati kerajaan Pas gagal memberikan komitmen termasuk bekerjasama dalam memberikan tanah bagi tapak pembinaan infrastruktur yang dirancangkan kerajaan pusat, katanya.

Begitu juga dengan usaha memajukan industri minyak dan gas yang terletak di bawah bidang kuasa kerajaan pusat, yang apabila dibangunkan akan membawa keuntungan secara langsung kepada Kelantan manakala rakyatnya turut menikmati faedah daripada wujudnya pelbagai industri sampingan.

Dengan rentak dan gendang alunan pilihan raya semakin hampir sewajarnya rakyat Kelantan memikirkan kepentingan mereka dan generasi akan datang dalam menentukan arus dan arah negeri itu selepas ini.

Dalam membuat penentuan itu Dr Mahathir mempunyai visinya yang mudah tetapi amat mendalam maksudnya iaitu "Apabila kita (BN) menang, kita mentadbir dengan adil serta memastikan kedaulatan dan kemerdekaan negara terus terjamin."

Sejajar dengan perubahan semangat yang ditunjukkan sebahagian besar rakyat terhadap kebangkitan semula Umno di Kelantan maka tidak berkecuali juga Istana Kelantan turut mengalu-alukan kunjungan Dr Mahathir ke Kelantan.

Pemerhati politik menyifatkan keizinan yang diberikan kepada Dr Mahathir untuk menghadap Sultan Kelantan sebagai "restu" Istana terhadap usaha BN mengambil kembali kedudukan politik di negeri itu dan memajukan Kelantan mengikut acuan yang terbaik bagi rakyatnya.

Upacara di istana itu dilihat oleh ramai pihak sebagai satu kelebihan kepada Umno menjelang pilihan raya apabila Pas dikatakan terus dipinggirkan.

Kunjungan Dr Mahathir ke Kelantan bukan sekadar lawatan biasa malahan lawatan kali ini ibarat "pembakar semangat" rakyat untuk berani bertukar angin dengan melangkah ke hadapan.

-- BERNAMA

BD AKD